

BAB LIMA

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Warta Negara adalah antara akhbar yang paling lantang menyuarakan pandangan dan pendapatnya berkenaan politik orang Melayu pada tahun 1946. *Warta Negara* sering memberikan pandangan terhadap reaksi dan tindakkan orang Melayu dalam menentang Malayan Union. Selain itu juga, sebagai salah satu akhbar yang paling berpengaruh terutamanya di sebelah utara Tanah Melayu, *Warta Negara* telah memberikan sokongan yang kuat terhadap tindakan orang Melayu menentang Malayan Union.

Hasil daripada perbincangan yang panjang lebar ini kita dapat bahawa *Warta Negara* telah memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan perkembangan politik orang Melayu dan tanah air. Selain itu juga, *Warta Negara* telah menyifatkan pembabitan orang Melayu yang semakin aktif dalam politik adalah disebabkan oleh pengumuman rancangan Malayan Union yang telah dibuat oleh pihak British. Di sebabkan oleh pengumuman inilah yang menyebabkan orang Melayu telah bersatu untuk mengagalkan rancangan tersebut.

Selain itu juga *Warta Negara* melihat perpaduan yang ditunjukkan oleh orang Melayu dalam menganjurkan rapat-rapat umum amatlah mengagumkan. Penglibatan kaum wanita semakin aktif membabitkan diri dalam bidang politik dapatlah dilihat melalui penglibatan mereka di dalam rapat umum yang di adakan di seluruh Tanah Melayu Sebelum pengumuman rancangan Malayan Union kaum ibu tidak begitu aktif campur tangan dalam hal ehwal politik di Tanah Melayu. Pembabitan kaum ibu dalam setiap rapat umum yang diadakan adalah sebagai tanda sokongan moral yang ditunjukkan oleh mereka terhadap

penentangan Malayan Union yang dilakukan oleh kaum lelaki. Sokongan dan penglibatan kaum wanita atau kaum ibu ini sangat bermakna dalam mengubah senario politik orang Melayu di Tanah Melayu pada waktu itu.

Pengenalan Malayan Union yang dirancang oleh British di Tanah Melayu sebenarnya tidak mendapat persetujuan daripada orang Melayu. Rancangan untuk melaksanakan Malayan Union langsung tidak dibincangkan oleh pihak British dengan sultan dan raja-raja Melayu ataupun orang Melayu sebelum mengumumkan rancangan tersebut. Selain itu juga isi kandungan rancangan tersebut tidak ditunjukkan sehinggalah MacMichael dihantar ke Tanah Melayu bagi mendapatkan tandatangan sultan dan raja-raja Melayu. Apa yang menghairan, MacMichael begitu mudah sekali dapat menyelesaikan tugasnya mendapatkan tandatangan sultan dan raja-raja Melayu dengan cepat. Beliau telah berjaya mendapatkan tandatangan semua sultan dan raja-raja Melayu hanya dalam masa dua bulan sahaja.

Sultan-sultan Melayu begitu mudah telah memberikan persetujuan dengan cara menandatangani perjanjian Malayan Union. Ini menunjukkan bahawa sultan-sultan Melayu hanya pentingkan diri sendiri dan takut kepada ugutan yang dibuat oleh MacMichael untuk menurunkan mereka daripada tahta. Oleh sebab itulah, tindakan sultan dan raja-raja Melayu menandatangani perjanjian Malayan Union tidak mendapatkan persetujuan rakyat. Orang Melayu begitu marah dengan tindakkan yang dilakukan oleh sultan dan raja-raja Melayu yang sanggup menandatangani perjanjian tersebut.

Tindakkan sultan dan raja-raja Melayu dianggap telah mengadaikan tanah air dan maruah bangsa Melayu. Orang Melayu telah mengkritik tindakkan sultan dan raja-raja mereka. Ini dapat dilihat melalui ucapan yang disampaikan oleh Mufti Johor yang amat marah dengan tindakkan yang diambil oleh Sultan Johor dalam menandatangani Perjanjian Malayan Union tanpa merujuk kepada pembesar dan orang Melayu. Ucapan yang dibuat secara terbuka ini telah menunjukkan bahawa orang Melayu amat tidak berpuas hati terhadap tindakkan yang dibuat oleh sultan dan raja-raja mereka. Ini adalah merupakan satu perubahan besar dalam politik orang Melayu.

Sebelum ini rakyat atau orang Melayu amat patuh dengan segala keputusan yang diambil oleh sultan atau raja mereka. Mereka sangat mentaati sultan dan raja-raja serta percaya dan berpegang teguh terhadap konsep kedaulatan sultan dan raja-raja Melayu. Orang Melayu begitu takut untuk menderhaka kepada raja mereka kerana takut ditimpa tulah. Tetapi, senario ini telah berubah dengan pengumuman rancangan Malayan Union. Orang Melayu begitu marah dan telah berani mempersoalkan tindakan sultan dan raja-raja mereka secara terbuka dalam isu menandatangani Perjanjian Malayan Union. Oleh kerana rasa bersalah dan menyesal terhadap tindakkan yang telah mereka lakukan maka sultan dan raja-raja Melayu telah mendedahkan bahawa mereka telah dipaksa untuk menandatangani Perjanjian Malayan Union. Untuk menebus kesalahan tersebut maka, sultan dan raja-raja Melayu telah bersama-sama dengan orang Melayu bangun menentang Malayan Union.

Warta Negara menyatakan pendapatnya bahawa persetujuan sultan-sultan Melayu dalam menandatangani perjanjian Malayan Union adalah disebabkan mereka tidak begitu faham berkenaan akibat yang akan menimpa orang Melayu apabila Malayan Union dilaksanakan. Di samping itu juga, sultan dan raja-raja Melayu tidak begitu faham akan isi kandungan perjanjian tersebut. Apabila timbulnya penentangan dari orang Melayu barulah sultan dan raja-raja Melayu telah menyedari bahawa mereka telah melakukan kesilapan yang besar. Oleh itulah apabila menyedari akan kesalahan tersebut mereka telah menghantar kawat dan telegram kepada Pegawai Hal Ehwal Awam di Kuala Lumpur dan satu salinan kawat telah dihantar ke London di mana ianya mengandungi kritikan sultan-sultan terhadap dasar-dasar Melayu Union serta tindakan MacMichael yang memaksa mereka menandatangani perjanjian tersebut.³¹³

Selain itu juga, *Warta Negara* juga telah mendedahkan cara-cara yang telah dilakukan oleh golongan diraja untuk mengagalkan Malayan Union. Antara cara yang meraka lakukan ialah dengan memboikot upacara Pelantikan Gabenor Malayan Union Edward Gent yang diadakan di Kuala Lumpur di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar. Pemboikotan yang dilakukan oleh raja dan orang-orang Melayu ini telah menunjukkan kesungguhan usaha mereka dalam menentang pelaksanaan Malayan Union. Perubahan politik ini amat membanggakan kita kerana raja-raja Melayu telah sanggup mendengar pandangan dan menuruti permintaan rakyatnya yang tidak mahu mereka menghadiri upacara perlantikan Gabenor Malayan Union walaupun pada mulanya sultan dan raja-raja Melayu mahu menghadiri upacara

³¹³ Abd. Ghaffar A. Tambi, "Malayan Union (1946-1948) Sebagai Pencetus Semangat Kebangsaan Melayu," (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970), hlm. 10.

tersebut. Oleh kerana desakkan kuat yang dilakukan oleh orang Melayu telah menyebabkan sultan dan raja-raja Melayu mengambil keputusan untuk bersama-sama rakyat mereka berkabung di hari pengistiharan dan periantikan Gabenor Malayan Union.

Oleh itu British mengalami kesukaran untuk melaksanakan Malayan Union disebabkan tiada sokongan yang diberikan oleh raja-raja dan orang Melayu. Oleh itu juga, *Warta Negara* telah melihat orang Melayu semakin bersemangat mengadakan rapat-rapat umum kerana mendapat sokongan daripada raja-raja Melayu untuk melumpuhkan Malayan Union. *Warta Negara* juga melihat orang Melayu telah dapat disatukan dalam Kongres Melayu Semalaya.

Warta Negara telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Kongres Melayu Semalaya. *Warta Negara* telah menyeru orang Melayu melalui tulisan-tulisan yang disiarkan di akhbar tersebut agar orang Melayu bersatu padu untuk menentang Malayan Union. Hasil daripada seruan itu maka, suatu perjumpaan kesatuan-kesatuan dan pertubuhan orang Melayu dari seluruh Tanah Melayu telah diadakan dalam Kongres Melayu Semalaya yang telah berlangsung sebanyak tiga kali.

Warta Negara menunjukkan sokongan mereka terhadap persidangan Kongres ini dengan menghantar wartawan untuk membuat liputan terhadap perjalanan Kongres tersebut. *Warta Negara* melihat bahawa Kongres Melayu Semalaya telah berjaya menghimpunkan orang Melayu daripada pelbagai kesatuan dan negeri. Dengan ini *Warta Negara* melihat bahawa orang Melayu akan dapat bersatu di bawah satu organisasi politik tanpa mengira sempadan

negeri. *Warta Negara* amat menyokong penubuhan Kongres Melayu Semalaya ini kerana melihat Kongres ini telah berjaya menyatukan masyarakat Melayu di bawah satu bumbung dan menunjukkan kesungguhan orang Melayu dalam usaha menentang pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.

Ini dapat dibuktikan dalam mesyuarat pertama Kongres di mana *Warta Negara* telah melihat semua kesatuan yang datang daripada pelbagai daerah dan negeri melaungkan rasa kekecewaan mereka terhadap Malayan Union dari peringkat dewasa sehingga kanak-kanak. Penglibatan golongan kanak-kanak dalam usaha menentang rancangan yang dibuat oleh British adalah sesuatu perubahan yang baru dalam politik orang Melayu. Ini dapat dilihat dimana kanak-kanak juga telah sedar akan perubahan nasib mereka di masa akan datang. Kesedaran dan perubahan ini dapat dilihat melalui ucapan yang disampaikan oleh wakil kanak-kanak yang telah berucap di dalam Kongres tersebut. Kanak-kanak juga telah sedar bahawa masa depan mereka gelap jika Malayan Union dilaksakan di Tanah Melayu. Peranan yang dimainkan oleh Kongres amatlah besar dan tidak ternilai kerana berjaya menyatukan orang Melayu dalam usaha menentang Malayan Union.

UMNO telah ditubuhkan bagi mengambil alih tugas yang dimainkan oleh Kongres. Penubuhan UMNO dilihat sebagai satu kejayaan besar orang Melayu dalam usaha mereka bersatu dan mewujudkan satu badan yang boleh memperjuangkan kepentingan dan politik orang Melayu. UMNO merupakan gabungan kesatuan-kesatuan Melayu yang wujud berselerak di seluruh Tanah Melayu. Oleh itulah UMNO dilihat telah dapat menyatukan hampir seluruh orang

Melayu dalam usaha menentang Malayan Union. Rapat-rapat umum yang telah diadakan telah menjadi bukti bahawa orang Melayu telah bersatu menentang Malayan Union. Bukan satu perkara yang mudah untuk menyatukan orang Melayu jika tiada pertubuhan sebesar UMNO ini. UMNO menjadi penaung kepada berpuluhan-puluhan buah persatuan dan juga kesatuan yang wujud di peringkat negeri dan daerah di seluruh Tanah Melayu.

Selain itu juga, Dato' Onn telah dilihat sebagai tokoh yang berjaya menyatukan orang Melayu daripada pelbagai pelusuk negeri oleh *Warta Negara*. Peranan yang dimainkan oleh Dato' Onn juga begitu besar ertiinya dalam mencorak perubahan politik orang Melayu. Dato' Onn telah berjaya menyatukan kesedaran orang Melayu untuk bersatu memperjuangkan nasib mereka. Ketokohan dan kegigihan usaha-usaha Dato' Onn telah menjadi inspirasi kepada orang Melayu untuk bersatu dan berjuang demi kepentingan mereka.

Sebagai kesimpulannya, pada perspektif *Warta Negara* orang Melayu telah menunjukkan perubahan politik yang begitu ketara sekali akibat pengumuman rancangan Malayan Union. Kesedaran politik yang tinggi telah wujud pada diri orang Melayu adalah hasil daripada pengalaman mereka telah dijajah setelah sekian lama. Penindasan yang dilakukan oleh penjajah terutamanya Jepun telah memberikan semangat dan kekuatan kepada orang Melayu untuk membebaskan diri mereka daripada terus dijajah.

Oleh kerana kesedaran politik yang ada pada orang Melayu ini telah menyebabkan Malayan Union telah dibubarkan. Pembubaran Malayan Union adalah merupakan satu kejayaan yang besar bagi orang Melayu dan digantikan

dengan Persekutuan Tanah Melayu. Akhirnya usaha-usaha yang dilakukan oleh orang Melayu telah membawa hasilnya apabila Tanah Melayu telah berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.